

22/10/1997

Pos Malaysia sedia khidmat perdagangan elektronik

MELAKA, Selasa - Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia) akan memperkenalkan perkhidmatan perdagangan elektronik akhir tahun ini, bagi menyeimbangkan perkembangan teknologi maklumat.

Melalui perkhidmatan ini, Pos Malaysia akan menjadi 'orang tengah' dalam mengendalikan segala urusan pembelian melalui komputer sebelum dihantar kepada pelanggan.

Pengerusi Eksekutif Pos Malaysia, Tan Sri Zainol Mahmood, berkata tindakan itu selaras dengan usaha kerajaan yang mahu mewujudkan kerajaan elektronik dan pihaknya juga tidak mahu ketinggalan dalam usaha itu.

Menurutnya, perdagangan elektronik sudah dilaksanakan di Sweden, membabitkan lebih 150,000 pelanggan negara itu yang menjalankan urusan niaga sepenuhnya melalui komputer.

"Kita sudah bersedia ke arah ini dan tidak mahu pihak lain menceburi bidang ini yang sememangnya menjadi hak Pos Malaysia," katanya ketika merasmikan Konvensyen Perwakilan Kesatuan Pekerja Pos Pakaian Seragam Pos Malaysia Berhad (Upus) ke-12, di sini, hari ini.

Zainol berkata, perdagangan elektronik juga membolehkan mana-mana syarikat mengiklankan barangan mereka dalam komputer atau Internet dan Pos Malaysia akan menghantar barangan itu.

Katanya, Sweden sudah bersetuju membantu Pos Malaysia ke arah penggunaan perdagangan elektronik itu, termasuk mendapatkan hak pengesahan kuasa bagi pengendalian mel elektronik.

Selain itu, Zainol berkata, pihaknya juga akan berusaha mengekal serta meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan penghantaran mel, iaitu bidang utama yang dipelopori sejak dahulu.

"Walaupun negara ini semakin menuju ke arah penggunaan sistem elektronik sepenuhnya, penggunaan mel terus meningkat kerana masih mendapat kepercayaan pelanggan," katanya.

Menurut Zainol, tradisi amanah yang menjadi amalan Pos Malaysia menjadikan perkhidmatan itu terus mendapat sambutan kerana setiap surat atau barang yang dikirim, pasti dihantar kepada penerimanya.

Mengenai perkhidmatan antarabangsa Pos Malaysia, Zainol berkata, pihaknya akan mengendalikan penghantaran kargo, iaitu bungkusan dan surat ke luar negara, melalui anak syarikat yang ditubuhkan.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pernah meminta Pos Malaysia menceburi kegiatan penghantaran kargo supaya dapat bersaing dengan syarikat asing yang memonopoli kegiatan itu.

Zainol berkata, sejak lima tahun, jumlah kargo yang dikendalikan oleh pihak luar ialah kira-kira 600 tan metrik setiap hari, dan jumlah itu sudah meningkat menjadi 1,000 tan metrik setiap hari.

"Pos Malaysia akan mengendalikan penghantaran kargo ini secepat mungkin supaya ia tidak lagi dimonopoli pihak lain," katanya.

Menurut Zainol, mulai tahun ini, Pos Malaysia melalui anak syarikatnya, Transmile, akan mengadakan perkhidmatan penghantaran jemaah haji dan umrah, melalui dua pesawat DC-10 miliknya.

(END)